

TEKS UCAPAN
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA
MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH KECEMERLANGAN SUKAN DAN
PENYELIDIKAN 2017
PADA 9 OKTOBER 2018
DI DEWAN KECEMERLANGAN UniMAP, PAUH PUTRA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia Prof. Ir. Dr. Rezuwan Kamaruddin

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr Uda Hashim,

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UniMAP

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Khairul Azwan Ismail

Dekan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi UniMAP

Yang Berusaha, Tuan Haji Suhizaz Sudin, Pengarah Pusat Sukan
UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, Profesor-Profesor.

Para penyelidik UniMAP, Pengurus-pengurus pasukan dan barisan atlit-atlit Universiti Malaysia Perlis

Seterusnya hadirin dan hadirat yang diraikan sekalian.

ALUAN KATA

1. Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya sekali lagi dapat kita bersama-sama dalam Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Sukan dan Penyelidikan 2017 di petang yang berbahagia ini bagi mengiktiraf dan menzahirkan penghargaan atas segala usaha yang telah dicurahkan para penyelidik dan atlit yang telah mengharumkan nama UniMAP sepanjang tahun lalu.
2. Di kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua penerima anugerah dan tidak dilupakan juga setinggi-tinggi terima kasih kepada barisan jawatankuasa pelaksana yang bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran majlis petang ini khasnya bagi meraikan kejayaan-kejayaan yang diraih penyelidik dan atlit sebelum ini.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

PENCAPAIAN PENYELIDIKAN 2017

3. Saya difahamkan, sejak tahun 2003 sehingga kini sebanyak 2,049 bilangan geran telah diperolehi terdiri daripada geran dalaman universiti, geran agensi kerajaan, geran industri serta geran

antarabangsa melibatkan nilai sebanyak RM121,662,617. Pecahan mengikut jenis geran;

GERAN DALAMAN UNIVERSITI	GERAN AGENSI KERAJAAN	GERAN INDUSTRI	GERAN ANTARABANGSA
RM11,909,850	RM92,400,637	RM9,283,438	RM8,068,692

4. Bagi tahun 2017 sahaja, bilangan perolehan geran adalah sebanyak 61 dengan nilai sebanyak RM5,392,537. Dan tahun ini sehingga September, saya dimaklumkan bilangan geran yang diperolehi adalah 26 dengan nilai sebanyak RM2,339,644. Saya yakin bilangan ini akan bertambah sehingga hujung tahun ini.
5. Penyelidikan adalah bidang penting di sesebuah universiti. Pihak universiti sentiasa memberikan sokongan dalam bidang ini terutamanya yang menghasilkan *outcome* berimpak kepada kerajaan, komuniti, industri dan akademia. Penyelidikan yang berkualiti secara tidak langsung akan membantu meningkatkan taraf kehidupan masyarakat. Selain hasil penyelidikan yang baik dan berkualiti ini juga, saya berharap agar para penyelidik memberikan penekanan terhadap penghasilan penyelidikan dalam bentuk penerbitan yang membolehkan hasilnya diketahui dan dapat diakses diseluruh dunia.
6. Penghasilan jurnal penyelidikan berimpak tinggi adalah amat penting dalam usaha meningkatkan pencapaian universiti serta membolehkan para penyelidik menempa nama di bidang penyelidikan yang diceburi serta menjadi platform menterjemah hasil penyelidikan yang dihasilkan.

7. Saya ingin kongsikan sedikit info berkaitan penerbitan penyelidikan oleh penyelidik UniMAP.

BIL	PERKARA	2016	2017	2018 (setakat 5 Okt)
1	Penerbitan Journal	617	422	418
2	<i>Conference Prosiding</i>	452	844	403

8. Jumlah sitasi bagi semua penerbitan penyelidikan bagi tempoh lima tahun terakhir (2014-2018) adalah sebanyak 16,787. Ini adalah pencapaian yang baik dan peningkatan dari segi penerbitan penyelidikan perlu ditingkat dengan hasil penulisan yang lebih baik.
9. Selain itu, bagi penyertaan pameran bagi tahun 2017, diperingkat nasional dan antarabangsa UniMAP terus menempa pelbagai kejayaan. Pada penyertaan
- i) **Malaysia Technology Expo (MTE) 2017**, yang berlangsung pada Februari 2017, di Putra World Trade Centre (PWTC), penyelidik UniMAP berjaya meraih **3 Emas, 7 Perak, 9 Gangsa dan satu merit award**.
 - ii) Bagi penyertaan di **International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2017**, yang diadakan pada MEI 2017, di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC), UniMAP berjaya meraih kemenangan seratus peratus dengan membawa pulang **10 Emas dan 5 Perak**.

- iii) Pada **The International Conference And Exposition On Inventions By Institutions Of Higher Learning (PECIPTA)** UniMAP Berjaya meraih **2 Emas dan tujuh gangsa**.
 - iv) Sementara itu di **Seoul International Invention Fair (SIIF) 2017**, pada penghujung tahun lalu, di Seoul, Korea, sebanyak **8 Emas dan 4 gangsa diraih**.
 - v) Dan penyertaan di **International Trade Fair, Ideas, Inventions New Products (iENA) 2017**, di Nuremberg, Jerman, kita dapat meraih kemenangan seratus peratus juga dengan **2 Emas dan 1 Perak**.
10. Saya berharap dengan kejayaan yang dicapai ini akan menjadi perintis dan semangat untuk terus mencorak kejayaan dalam bidang penyelidikan ini.

Hadirin yang dikasihi sekalian,

KEJAYAAN SUKAN

- 11. Saya juga ingin mengambil kesempatan disini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada barisan atlet staf UniMAP yang berusaha gigih menempatkan UniMAP berada di kedudukan terbaik pada SUKUM pada tahun 2017 dan juga SUKANUN 2017.
- 12. Seperti sedia maklum tahun 2017 adalah tahun yang agak sukar bagi kontingen UniMAP dengan pelbagai sudut contohnyakekangan kewangan, kekurangan atlit tetapi saya bangga, dengan kekurangan yang kita hadapi kita tetap dapat

mengekalkan kejuaraan Kejohanan Sukan Antara Staf 2017 buat kali ke 10 berturut-turut dengan membawa pulang

21 emas , 12 perak dan 8 gangsa

13. Dengan penyumbang emas terbanyak dari pasukan Olahraga (15 Emas), Petanque (2 Emas), Tenpin Boling (1 Emas), Bola Tampar Lelaki (1 Emas), diikuti dengan pasukan Futsal Wanita (1 Emas), Berbasikal juga (1 Emas). Begitu juga dengan pingat perak bagi pasukan Futsal Lelaki, Bola Tampar Wanita, Memanah serta Sepak Takraw mengekalkan pingat gangsa yang diperolehi oleh mereka pada tahun lalu.
14. Juga UniMAP yang menghantar 2 pasukan iaitu Golf dan Tenpin Boling di Kejohanan Sukan Badan Berkanun 2017 di Melaka telah membawa hasil iaitu memperoleh Emas untuk pasukan Tenpin Boling manakala pasukan Golf memperoleh pingat Perak.

Hadirin dan hadirat sekalian,

PENUTUP

15. Sebelum mengakhiri ucapan pada petang ini, sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah di atas kejayaan semua penyelidik-penyalidik dan atliti-atlit UniMAP. Sekalipun ganjarannya mungkin tidak seberapa, namun saya yakin penganugerahan ini meninggalkan kenangan yang amat bermakna buat semua sepanjang berada di UniMAP ini.

16. Akhir kata, sekali lagi saya menyeru kepada semua warga UniMAP untuk menggandakan lagi usaha bagi menghasilkan lebih banyak pencapaian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.